

Arkeologi dalam Kerja Pemuliharaan: Cabaran Terhadap Masa Depan Negara

ASYAARI MUHAMAD

ABSTRAK

Artikel ini memperkatakan peranan arkeologi dalam kerja pemuliharaan di Malaysia. Sehingga kini, lebih daripada 50 projek penyelidikan arkeologi, pemuliharaan kepelbagaian bangunan warisan dan tapak bersejarah di negara ini telah dijalankan. Ada yang berjaya dan ada yang tidak. Sehubungan itu, pentingnya penyelidikan arkeologi dalam memastikan kejayaan kerja pemuliharaan itu ditunjukkan. Selain pemuliharaan harus dimulai dengan penyelidikan arkeologi yang sesuai, juga dicadangkan hasil penemuan arkeologi perlu dipelihara. Untuk mengekalkan keaslian sesuatu bangunan warisan atau tapak bersejarah, ciri-ciri yang asal perlu dibina semula. Kesemua kerja itu dikehendaki dilaksanakan arkeologis yang berkelayakan dan juga yang berpengalaman.

Kata kunci: Arkeologi, pemuliharaan, Masjid Peringgit, Rumah Suffolk, Masjid Lebuh Aceh, Mahkamah Tinggi (Pulau Pinang)

ABSTRACT

This article discusses the role of archaeology in conservation works di Malaysia. To-date, more than 50 archaeological research projects involving conversion of a variety of heritage buildings and historical sites in the country have been carried out. Some were successful, while the others not. Following that, this article highlights the importance of archaeological research in ensuring the success of conservation work. Besides the point that conservation must start with the relevant archaeological research, the outcome of archaeological findings need to be preserved. To ensure that the originality of the heritage buildings and historical sites, the original features of the buildings and sites should be reconstructed. All these work could be done by qualified and experienced archaeologists.

Key words: Archaeology, conservation, Masjid Peringgit, Suffolk House, Masjid Lebuh Aceh, High Court (Pulau Pinang)

PENGENALAN

Masyarakat umum tahu ilmu arkeologi mengkaji kehidupan masyarakat masa lampau dengan menggunakan pelbagai pendekatan disiplin di bidang sains sosial. Bermula dari survei arkeologi (primer dan sekunder), ia membawa kepada ekskavasi dan menganalisis sehingga dapat merekonstruksi kembali sejarah masa lampau. Sejak dahulu lagi, para ilmuwan di bidang ini bertungkus lumus cuba memberi pandangan serta membuat interpretasi berkaitan jumpaan arkeologi sesuai dengan semangat kajiannya yang cuba membina semula kehidupan masyarakat masa lampau berdasarkan tinggalan budaya mereka yang disebut sebagai artifak dan bukan artifak dari batuan, tanah liat, gangsa, besi, sisa makanan, tempat tinggal, tempat penyembahan dan perkuburan, antara yang lain-lain.

Penyelidikan arkeologi juga sinonim dengan tata cara memelihara, memulihara, membaik pulih dan melindungi data yang diperolehi dalam apa juga bentuk setelah penyelidikannya dijalankan. Hal ini penting bagi pengkaji bidang ini untuk memikirkan hala tuju hasil daripada penyelidikannya. Hala tuju yang dimaksudkan itu ialah bagaimana hasil penyelidikan itu dipelihara dan dipulihara dan diurus di bawah agensi pemuziuman dan dipersembahkan kepada masyarakat umum demi mendatangkan manfaat. (Renfrew & Bahn 1997: 219 – 224). Tanpa itu, sia-sialah penyelidikan arkeologi itu. Ini juga bererti bahawa aspek konservasi sangat penting dalam penyelidikan arkeologi, malahan kedua-duanya saling berkait. Jika hanya mementingkan pengumpulan dan pengolahan data tanpa menjaga dan memulihara data yang diperolehi, sia-sialah penyelidikan itu. Ini disebabkan arkeologi besar peranannya dalam konservasi, khususnya daripada segi menyelamatkan, mengenal pasti kewujudan struktur, mencari bukti bahan binaan asal dan artifak seperti logam, kaca, manik dan tembikar. Sehubungan itu, penyelidikan arkeologi wajib dilakukan sebelum kerja pemuliharaan sebuah bangunan dan tapak sejarah, misalnya, demi merancang kerja-kerja pemuliharaan yang sebenar.

Secara umum, konservasi didefinisikan sebagai kemahiran teknik menyiasat, memelihara dan memulihara warisan budaya (Caple 2000:1). Pemahaman konsep pemeliharaan dengan lebih terperinci yang telah diluluskan 2nd *International Congress of Architects and Technician of Historic Monuments* di Venice adalah melindungi monumen daripada lupus dan reput, selain mengekalkan persekitaran tradisional daripada ancaman kemusnahan. (Baszley & Mohd. Kamaruzaman 2003: 44). Ia juga diterima sebagai istilah umum (generik) bagi sesemua kerja baik pulih. Ia merujuk kepada usaha pemuliharaan dengan menggunakan teknik dan teknologi yang bersangkutan. Sekiranya konservasi cuba memulih monumen dan tapak sejarah kepada reka cipta asal dari segi seni bina dan bahan binaannya (Kamarul Baharin A. Kassim 2006: 3), tetapi pemuliharaan pula memelihara dan menunjukkan nilai estetika dan sejarah monumen itu.

Pada dasarnya, kedua-dua arkeologi dan konservasi memainkan peranan penting dalam membentuk, memelihara dan melindungi warisan negara. Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KekKwa) dan agensi di bawahnya, termasuk Jabatan Muzium dan Jabatan Warisan, memainkan peranan penting dalam martabatkan nilai warisan negara. Makalah ini akan melihat isu kedua-dua bidang ini dalam jangka masa dua puluh tahun lalu di Malaysia.

Penyelidikan kedua-dua bidang ini telah banyak dilakukan di negara ini, sama ada oleh kakitangan penyelidik dari universiti tempatan, seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM), Jabatan Muzium & Antikuiti atau pihak swasta. Penyelidikan arkeologi dan konservasi yang dijalankan itu meliputi zaman prasejarah, protosejarah dan sejarah. Tahap penyelidikan arkeologi konservasi pada zaman prasejarah dan protosejarah agak berbeza dengan zaman sejarah dalam erti kata konservasi pada zaman prasejarah lebih tertumpu kepada artifak dan non-artifak seperti tembikar, rangka manusia dan flora, tetapi penyelidikan pada konservasi zaman protosejarah tertumpu kepada struktur candi, artifak dan non-artifak dan konservasi pada zaman sejarah lebih tertumpu kepada rumah lama yang mempunyai nilai sejarah, bangunan bersejarah, masjid, kota dan kubu pertahanan. Namun, aspek arkeologi konservasi yang sering diberi tumpuan adalah arkeologi konservasi zaman sejarah. Oleh sebab itu, arkeologi konservasi yang akan diperkatakan dalam makalah ini adalah penyelidikan konservasi terhadap bangunan, masjid, kota dan kubu pertahanan lama. Ini bermakna, konservasi terhadap artifak tidak akan disentuh. Aspek penting dalam kerja pemuliharaan, baik bangunan bersejarah, tapak bersejarah atau benteng pertahanan, adalah penyelidikan arkeologi. Dalam kerja pemuliharaan itu, aspek dan disiplin lain seperti latar sejarah dan tapak bangunan juga penting, maka perlu dikaji, bagi merealisasikan matlamat dan objektif sesebuah projek pemuliharaan tapak bersejarah atau warisan itu.

SEJARAH PENYELIDIKAN ARKEOLOGI KONSERVASI NEGARA

Walaupun ada bangunan dan monumen sudah meninggalkan kita hampir 500 tahun, namun kesannya masih mendalam, lebih-lebih lagi bangunan dan monumen yang masih kelihatan kukuh dan terus terpelihara sebagai warisan sejarah. Banyak inisiatif telah diambil Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Warisan Negara dan NGO lain dalam memelihara serta memulih warisan sejarah itu. Pelindungan dan pemeliharaan itu telah berkembang selaras dengan perkembangan di peringkat antarabangsa. Pemuliharaan bangunan di Malaysia telah bermula pada awal tahun 1980an sehingga hari ini. (Siti Norlizaiha Harun 2004: 113). Usaha rasmi itu berdasarkan aktiviti pemuliharaan bangunan

bersejarah seperti yang termaktub dalam undang-undang seperti Akta Benda Purba 1976 dan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.

Walaupun penyelidikan arkeologi dalam kerja konservasi di negara maju sudah ada sejak tahun 1960an lagi (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman 2006: 1), tetapi ia hanya bermula di negara ini sekitar tahun 1990an, selain dianggap sebagai satu cabang arkeologi baru di negara ini yang juga kaya dengan warisan sejarah daripada pelbagai bangunan, monumen dan tapak bersejarah. Warisan itu boleh dilihat di setiap ibu negeri dan bandar di negara ini. Warisan sejarah itu boleh dibahagikan secara spesifik kepada dua kategori seperti berikut:

1. Bangunan lama (termasuk istana, masjid, jabatan kerajaan, rumah kediaman dan steysen keretapi) yang merakamkan perkembangan sejarah dan corak petempatan bandar-bandar di Malaysia.
2. Tapak bersejarah (termasuk kota, kubu pertahanan dan makam)
Sejak pembinaan kerajaan Melayu, seperti di Melaka, hingga kedatangan penjajah Portugis, Belanda dan Inggeris, banyak bukti sejarah yang amat bermakna telah ditinggalkan. Monumen, bangunan dan tapak bersejarah boleh dikesan di hampir semua bandar di negara ini. Sementara itu, penyelidikan arkeologi konservasi negara ini hanya dipelopori pakar tempatan sejak tahun 1990an. Sebelum itu, mereka ini berkecimpung dalam arkeologi sejarah. Di peringkat awal penyelidikan arkeologi konservasi itu, mereka kerap belajar dan bertukar pandangan dengan konservator bagi memenuhi objektif kajian agar selari dengan matlamat konservasi. Sehubungan itu, amalan *Try and Error* sudah mendarah daging penyelidikan di peringkat awal ini. Sehingga hari ini banyak bangunan dan tapak bersejarah telah dilakukan penyelidikan arkeologi konservasi masing-masing. Antara contohnya adalah:
 1. Kedah (Kota Kuala Kedah – 1996 – 1999 dan Rumah Raja Bilah – 2006)
 2. Perak (Muzium Matang, Taiping – 2005; Bangunan Pejabat Daerah Batu Gajah – 2005 dan Kellie Castle, Batu Gajah 2000)
 3. Pulau Pinang (Bangunan Kedai Lebuah Aceh – 2006; Suffolk House – 2005; Mahkamah Tinggi Pulau Pinang – 2005; Bangunan Munciple – 2004 dan Kota Cornwallis - 2003)
 4. Selangor (Istana Bandar Jugra – 1996 dan Kota Melawati 1998)
 5. Kuala Lumpur (Bangunan Taman Budaya – 2003 dan Masjid Setapak – 2006)
 6. Negeri Sembilan (Kota Lukut – 2002)
 7. Melaka (Bangunan JAIM dan Bekalan Air Melaka – 1997; Padang Pahlawan – 2003; Bukit St.Paul – 2002; Masjid Peringggit – 2004 dan Rumah Penghulu Mat Natar – 2007)
 8. Johor (Bangunan Dato'Onn Jaafar – 1997 dan Kota Johor Lama 2002)
 9. Sarawak (Fort Megharetta – 2004)



FOTO 1 Mahkamah Agung/Tinggi (Pulau Pinang) yang dibina pada tahun 1800an. Kini ia hanya tinggal tapak asas bangunan.



FOTO 2 Tugu Peringatan Sir James Richardson Logan dikelilingi pokok yang berusia hampir 200 tahun di Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang.



FOTO 3 Kerja memasang kayu peg dan menentukan saiz petak ekskavasi di Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang.



FOTO 4 Ekskavasi mendedahkan sebahagian struktur asal anjung Suffolk House, Pulau Pinang.



FOTO 5 Struktur anjung di selatan bangunan Rumah Suffolk selepas ekskavasi arkeologi.

OBJEKTIF PENYELIDIKAN ARKEOLOGI KONSERVASI

Objektif kajian yang paling penting ialah membantu menyelesaikan masalah pemuliharaan bangunan. Kajian itu biasanya berpandukan dua jenis kajian: CAM (Conservation Archaeology Method) dan RAM (Rescue Archaeology Method). (Asyaari Muhamad. 2005: 10). Sehubungan itu, tumpuan akan diberi kepada usaha membantu kerja membaikpulih bangunan dan kota seperti yang dijelaskan di bawah ini:

MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN (CAM)

1. Mencadangkan aspek konservasi tentang struktur mana yang perlu dikekalkan dengan kerja pemuliharaan agar ia kelihatan seperti dalam keadaan asal.
2. Merekonstruksi struktur yang terdedah, seperti lantai asal, asas bangunan, longkang, bumbung bangunan sejajar dengan keadaan asal lanskap di halaman bangunan.
3. Melihat sejauh mana keadaan lapisan tanah (stratigrafi) yang berlainan boleh dihubungkan dengan peristiwa yang pernah berlaku di kawasan berkenaan.
4. Mengenal pasti taburan artifak dan bukan artifak untuk dijadikan bukti dan data tentang latar sejarah kawasan berkenaan.
5. Mengekal, melindungi dan memulihara kawasan berkenaan secara cermat agar suatu hari nanti ia dapat dijadikan bahan sejarah yang dapat dikenang generasi mendatang.

MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN (RAM)

1. Menyelamat segala artifak (seramik, duit syiling, alat senjata, peluru, logam, kaca dan sebagainya)
2. Menyelamatkan struktur binaan yang sedia ada (termasuk pintu gerbang, asas bangunan, lantai, struktur longkang, parit, tangga dan alas tiang, sama ada dipindahkan, dibina semula atau lain-lain)

Dari sudut penyelidikan arkeologi pula, tujuan khususnya berdasarkan beberapa kriteria seperti:

STRUKTUR BINAAN

Melihat struktur binaan yang ada. Dalam hal ini, ingin dilihat keadaan asal kedudukan dasar struktur yang berkenaan

1. Ketinggian (*elevation*) struktur itu dari paras laut, selain antara struktur-struktur itu;

2. Mengenal pasti struktur yang tertanam yang telah dibina dalam masa berlainan sama ada struktur dari zaman British atau sebelumnya
3. Mencari jika ada struktur yang tertanam dalam tanah (sama ada berbentuk bangunan atau tidak);
4. Mengenal runtuh struktur, seperti dinding, tembok, lantai, longkang, atap atau pintu gerbang;
5. Membuat rekonstruksi (simulation) keseluruhan reka bentuk tembok selain melihat jajaran dan keluasanya berdasarkan data dari pengukuran.
6. Setelah mengenal pasti keseluruhan fungsi dan bentuk struktur yang terdedah, pemuliharaan akan dilaksanakan tertakluk kepada persetujuan semua pihak.

STRATIGRAFI

1. Melihat bagaimana keadaan lapisan tanah, seperti kandungan, tekstur dan warna tanah di kawasan tapak gali cari.
2. Melihat sejauh mana keadaan lapisan tanah (layers) yang berlainan mengikut kedalaman tanah di kawasan yang ada struktur dan artifak.
3. Melihat bagaimana keadaan tanah asal di permukaan selepas pembinaan tembok (jika masih ada).
4. Melihat bagaimana kedudukan jumpaan dalam semua lapisan tanah dapat dihubungkan dengan kegiatan di sekitar perkarangan tapak kajian sepanjang zaman.
5. Melihat sejauh mana gangguan tanah (disturbed soil) telah berlaku sama ada di kawasan berstruktur atau di kawasan yang terdedah kepada faktor alam sekitar seperti hakisan, pemendapan, kegelinciran tanah dan sebagainya.

JUMPAAN

1. Mencari artifak dan bukan artifak di sekitar kawasan kajian mengikut kedalaman tanah dan lokasi tapak untuk dianalisis.
2. Menjadikan jumpaan yang diperolehi sebagai bukti untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang aktiviti sosial dan ekonomi.
3. Mencari jumpaan sebanyak mungkin agar boleh digunakan sebagai bukti untuk digunakan bersama atau sebahagian daripada struktur binaan.
4. Mengenalpasti artifak, terutamanya seramik, duit syiling, peluru dan logam mengikut kepentingan identifikasi setiap benda itu untuk dibuat perbandingan kajian dengan tapak arkeologi di kawasan kajian atau tempat lain.
5. Melihat sejauh mana jumpaan, terutamanya artifak, yang boleh dihubungkan dengan lapisan stratigrafi, kronologi dan struktur binaan.

CABARAN PENYELIDIKAN ARKEOLOGI KONSERVASI

Semasa makalah ini ditulis, Jun 2008, Malaysia menghadapi cabaran dalam mengejar impian ingin menjadi negara maju. Ketika itu, Malaysia baru sahaja mendapat keputusan pilihan raya. Walaupun keputusan pilihan raya itu telah memberi impak yang besar kepada negara, namun pemimpin negara bertekad untuk memandu negara untuk bersaing dengan negara lain. Sehubungan itu, sejauh mana arkeologi konservasi boleh membantu pembangunan negara? Dilihat senario sekarang ini, perkembangan masa kini sering berkiblatkan isu kuasa, politik, ekonomi dan masalah sosial. Demikian juga halnya di Malaysia. Sehubungan itu, antara cabaran dalam penyelidikan arkeologi konservasi – sama ada bangunan, monumen atau tapak tanah bersejarah – di Malaysia yang dibincangkan seterusnya.

1. **Kekeliruan Dan Kesedaran Pentingnya Kajian Arkeologi Dalam Konservasi**
Orang yang menyedari pentingnya kajian arkeologi dalam konservasi adalah para konservator yang bertauliah dan arkeologis. Namun, ada segelintir mereka ini mengabaikan penyelidikan arkeologi. Alasan yang diberi adalah ia tidak begitu penting, selain tinggi kosnya, lebih-lebih lagi takut hasil kajian itu boleh merubah hala tuju pembangunan yang telah dirancang. Bagi saya, tidak banyak arkeologis yang berpengalaman telah melakukan kerja-kerja arkeologi konservasi. Kalau demikian, hasil kajiannya tidak banyak membantu serta memberangsangkan dalam menyelesaikan masalah konservasi. Justeru itu, penyelidikan arkeologi konservasi ini perlu dibimbing pakar yang berpengalaman dengan mengikut piawai dan garis panduan yang ditetapkan. Antaranya sekurang-kurangnya 1% atau 2% daripada kos pembangunan sebenar akan diperuntukkan untuk penyelidikan arkeologi di Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun, dan penyelidikan itu perlu dijalankan sebelum melaksanakan konservasi tapak atau bangunan. Ini disebabkan hasil kajian itu boleh membantu dan merealisasikan matlamat konservasi. Namun, penyelidikan tidak perlu dilakukan sekiranya maklumat yang diperlukan boleh didapati dari bangunan dan rumah yang hendak dipulihara itu bersaiz kecil, lagi pun tidak banyak mengalami kerosakan, dengan lanskapnya yang masih kekal. Antaranya adalah Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur. Namun, bangunan yang besar, lama, usang dan telah mengalami banyak kerosakan, baik dari segi sistem peparitan, tiang, lantai, struktur tangga, perigi, longkang serta lanskapnya yang sudah tidak kelihatan lagi, maka ia wajib dilakukan penyelidikan arkeologi terlebih dahulu sebelum kerja pemuliharaan. Tapak-tapak seperti ini telah banyak dilakukan di Malaysia. Antaranya adalah Masjid Peringgit di Melaka, Suffolk House di Pulau Pinang dan Masjid Lebeh Aceh di Pulau Pinang.

2. Implikasi Kewangan

Cabaran ini sering dihadapi penyelidik arkeologi dan pihak berwajib dalam melaksanakan penyelidikan arkeologi konservasi yang memerlukan kos yang tinggi. Kos itu bukan sahaja kerana upah jururunding, tetapi juga kos peralatan dan tenaga pembantu yang diperlukan konservator dan arkeologis di pelbagai peringkat. Upah pakar runding dan konservator bangunan dikira mengikut peratusan nilai bangunan, monumen atau tapak bersejarah yang berkenaan. Lazimnya, sekurang-kurangnya 10% - 15% daripada nilai konservasi dibayar kepada konsultan dan konservator, sementara penyelidikan arkeologi mendapat tidak sampai 5% daripada nilai konservasi bangunan. Walau bagaimanapun, kerja arkeologi kadang kala diabaikan dalam konservasi setelah kerja arkeologi dipandang setengah pihak telah mengganggu kerja konservasi setelah kosnya meningkat ekoran penemuan baru yang menarik, maka didapati akan merugikan pihak yang berkenaan. Di sini terdapat percanggahan antara amalan dan etika dalam projek konservasi. Sebagai jalan keluar, pihak berkenaan perlu menimbangkan kepentingan setiap pihak yang terlibat demi mencapai matlamat yang lebih objektif dan murni. Antara kes ingin ditonjolkan di sini adalah kajian arkeologi dan pemuliharaan di Bangunan Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang. Projek itu nyaris tertunda dan tergendala akibat penemuan struktur baru tapak mahkamah tinggi Pulau Pinang pertama yang telah dibina pada tahun 1780an

3. Pengiktirafan Penyelidikan Arkeologi Konservasi

Penyelidikan arkeologi dalam konservasi juga perlu mendapat pengiktirafan. Soalannya badan mana layak memberinya. Antara badan itu adalah Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Warisan Negara, IPTA, NGO dan UNESCO. Pengiktirafan itu perlu berasaskan pengalaman, pengkhususan, kelulusan, rekod, laporan penyelidikan, selain cadangan dan penilaian yang diberi pakar runding. Sehubungan itu, ingin dinyatakan di sini bahawa bilangan pakar arkeologi (prasejarah, protosejarah dan sejarah). di Malaysia amatlah kecil dan bukan kesemuanya terlibat dalam kerja arkeologi konservasi bangunan, monumen dan tapak tanah bersejarah. Arkeologi prasejarah, misalnya, telah dipelopori dan diberi perhatian khusus oleh Universiti Sains Malaysia, manakala bidang arkeologi protosejarah dan sejarah serta bidang arkeologi konservasi diberi perhatian khusus daripada penyelidik di Universiti Kebangsaan Malaysia. Masalahnya adalah peneraju di peringkat tinggi dalam bidang warisan negara bukan sahaja tidak mengiktiraf penyelidikan yang dijalankan arkeologis konservasi negara, malahan kadang kala lebih percaya kepada kontraktor yang tidak berpengetahuan membuat kerja arkeologi.

4. Pengekalan Nilai Warisan vs Pembangunan

Cabaran seterusnya yang dapat dilihat dalam membantu kerja-kerja konservasi ialah pengekalan nilai sejarah serta warisan bersaing dengan nilai pembangunan fizikal merupakan satu lagi faktor yang menghantui dan mencabar kewibawaan para penyelidik arkeologi konservasi di negara ini. Terdapat beberapa contoh melalui kajian lepas di mana hasil penyelidikan arkeologi yang menarik, besar, luas telah diabaikan begitu sahaja. Maksudnya hasil ekskavasi yang menemui jumpaan struktur yang menarik telah dimusnahkan tanpa suatu dibuat untuk membaikpulih, membina semula dan mengekalkan ciri-ciri nilai warisan. Ini disebabkan kajian arkeologi telah dilakukan setelah perancangan dilakukan pihak tertentu dalam membina bangunan baru di tapak terbabit. Ia juga seolah-olah kajian arkeologi yang dilakukan itu hanya sekadar “Buat Ala Kadar” demi melengkapkan jadual kerja kontrak tanpa mengira faktor pemuliharaan.

Selain itu, terdapat kes setelah dibuat penggalian dan berjaya mendedahkan banyak struktur binaan asal yang bersaiz besar dan luas, ia dibiarkan walaupun telah dinasihatkan arkeologis agar dibina semula dan dipulihara struktur tersebut. Akhirnya, kawasan yang digali itu ditumbuhi lalang yang merosakkan struktur asal kawasan bersejarah itu. Seterusnya terdapat beberapa kes yang berlaku sebaliknya, iaitu pihak yang bertanggungjawab mengambil kira saranan arkeologis untuk membina semula, memulihara dan mengekalkannya. Kesemua itu adalah antara cabaran yang dihadapi arkeologis konservasi masa kini.

Pengekalan warisan sejarah adalah sama penting dengan pembangunan fizikalnya. Setiap pembangunan fizikal yang dilaksanakan itu tidak akan ‘tenggelam’ jika ciri-ciri binaan lama terus dikekalkan. Di negara maju, termasuk kota Shanghai, China, pusat membeli belah telah dibina di atas kawasan bersejarah. Para pengunjung kepusat membeli belah dapat menikmati keindahan dan menghayati kesan peninggalan warisan sejarah masa lampau melalui pengekalan struktur binaan lama walaupun sudah dibina bangunan baru di atasnya. Ini bukan sahaja menarik, malahan dapat menjana pendapatan negara melalui sektor pelancongan.

5. Perbezaan Pendapat Antara Arkeologis, Konservator dan Jururunding

Perselisihan pendapat itu biasanya berlaku kerana menentukan jumlah dan bilangan petak yang akan digali. Kos penggalian cuba dihadkan jururunding dengan menghadkan petak yang hendak digali. Tetapi, arkeologis mahu mendapat sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan dengan membanyakkan galian. Ini disebabkan semakin banyak maklumat maka semakin mudah untuk dibuat interpretasi. Delima lain adalah jururunding takut perancangannya tidak dapat terlaksana menurut jadual waktu jika ada penemuan baru tentang struktur bangunan itu. Sebaliknya penemuan baru itu adalah perkara yang dikehendaki arkeologis.

6. Kekurangan Pakar dan Pekerja Mahir

Penyelidikan arkeologi dan penggaliannya memerlukan pakar, pekerja mahir, dan juga buruh kasar. Disebabkan pakar amat kurang di Malaysia, maka kita memerlukan pekerja mahir untuk merealisasikan penyelidikan arkeologi konservasi. Lebih buruk lagi adalah buruh kasar negara asing, termasuk Indonesia, Myanmar dan Bangladesh telah digunakan untuk menggali, walaupun mereka tidak ada pengalaman dan kemahiran dalam kerja penggalian arkeologi. Untuk mengelakkan kehilangan data, pekerja asing itu perlu dipantau dengan rapi. Kerana takut kehilangan data yang diperolehi.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Penyelidikan arkeologi konservasi masih baru di negara ini, maka kita amat memerlukan pembaharuan dan penambahbaikan daalam segala aspek kerja itu untuk menghadapi cabaran dan kehendak baru dari masa ke masa. Walaupun banyak piagam, akta dan *charter* sudah diadakan oleh UNESCO melalui ICOMOS, dan juga sudah ada Akta Warisan Kebangsaan 2005, namun garis panduan mengenai peranan arkeologis dalam konservasi bangunan lama dan tapak tanah bersejarah belum jelas. Memandangkan setiap tapak dan bangunan untuk dikonservasi itu berbeza daripada yang lain, arkeologis perlu memikirkan objektif dan kaedah penyelidikannya yang lebih sempurna dan sesuai. Sehubungan itu, adalah penting untuk kita mengetuai penyelidikan kerana pengalaman dan berkelulusan. Selain itu, penyelidikan boleh menolong kita membaiki ketandusan kepakaran di bidang ini.

Cabaran yang disebut sebelum ini perlu difikir dan dinilai semula demi menjaga nilai warisan sejarah kita. Di sini, peranan arkeologis patut dihormati dengan pandangan mereka diterima untuk sama-sama memelihara, memulih dan mengekalkan nilai warisan negara. Selain itu, ingin saya mengakhiri makalah ini dengan memberi beberapa cadangan demi kepentingan kita semua:

1. Jabatan Warisan Negara dikehendaki membentuk jawatankuasa untuk mengemukakan garis panduan kerja arkeologi dalam konservasi bangunan lama dan tapak bersejarah.
2. Penyelidikan arkeologi mesti didahulukan sebelum kerja konservasi untuk memastikan penemuan baru tidak mengganggu kerja konservasi..
3. Penyelidikan arkeologi perlu dilakukan ahli arkeologi yang dipimpin arkeologis yang berpengalaman.
4. Bayaran kepada arkeologis hendaklah setimpal dengan kepakarannya dan sama dengan pakar lain, seperti konservator, jururunding dan ahli sains.
5. Hasil penyelidikan arkeologi hendaklah dinilai konsrvator dan bukannya jururunding sebelum diguna pakai dalam kerja konservasi.
6. Jumpaan penting perlu dinilai signifikasinya dari segi sejarah bangunan, sejarah tempatan dan nasional perlu dipamerkan, dengan peninggalan

binaan dan struktur yang boleh diselamatkan dalam kawasan pembangunan itu dibiarkan *in-situ*.

RUJUKAN

- Asyaari Muhamad. 2005. Penyelidikan Ekskavasi Arkeologi Di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang. *Laporan Penyelidikan Bangi*, UKM. Vol.2.
- Baszley Bee Basrah Bee & Mohd. Kamaruzaman Abd. Rahman. 2003. *Pengantar Arkeologi*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Caple, Chris. 2000. *Conservation Skills: Judgement, Method and Decision Making*. London. Routledge.
- Kamarul Baharin A Kassim. 2006. Konservasi Pengenalan Dan Garis Panduan Terhadap Kerja-Kerja Pemuliharaan Warisan. *Kursus Konservasi Monumen & Tapak Tanah Bersejarah*. Pulau Pinang.: E&O Hotel, 16-18 Disember 2006.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2006. *Kepentingan Arkeologi Dalam Kerja Konservasi Monumen Dan Tapak Tanah Bersejarah. Kursus Konservasi Monumen Dan Tapak Tanah Bersejarah*. Pulau Pinang: Jabatan Warisan Negara
- Renfrew, Collin & Bahn, Paul. 1997. *Archaeology: Theories, Methods and Practice*. London: Thames and Hudson Ltd.
- Siti Norhaliza Harun. 2004. *Amalan Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah di Malaysia*. Tesis Ph.D. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.

Asyaari Muhamad, Ph.D
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi,
Selangor
Emel: evey69@yahoo.com